

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN KAMARUDIN BIN ABDUN

TARIKH : SEPTEMBER 2020

SOALAN NO. 137

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bilakah pihak Kementerian Pengangkutan akan membina lif dan membuat selenggara setiap bulan di setiap stesen-stesen keretapi terutamanya di Negeri Perlis sebagai contoh Stesen Bandar Diraja Arau, Stesen Bukit Keteri dan Stesen Padang Besar untuk memudahkan warga emas dan warga OKU menikmati kemudahan yang telah disediakan

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, pada masa ini kemudahan lif di Negeri Perlis adalah seperti berikut:-

a. Stesen Arau :-

Stesen ini telah dilengkapi dengan tiga (3) unit lif untuk kegunaan semua para penumpang tren termasuk warga emas dan OKU. Ianya telah disediakan semasa pembinaan stesen ini di bawah Projek Landasan berkembar Ipoh – Padang Besar dan telah siap beroperasi sejak tahun 2016.

b. Stesen Padang Besar :-

Stesen ini tidak mendapat peruntukan untuk pembinaan lif di bawah Projek Landasan berkembar Ipoh – Padang Besar. Walau bagaimanapun stesen ini telah dilengkapi dengan satu (1) unit lif KHAS sedia ada untuk kegunaan OKU sahaja.

c. Stesen Bukit Keteri :-

Stesen ini tiada kemudahan lif pada masa ini. Pihak Kementerian bersama KTMB/RAC akan melihat isu ini dan mengkaji keperluan pembinaan lif untuk kegunaan warga emas dan OKU supaya pelaburan Kerajaan tersebut adalah benar-benar *value for money*.

2. Selain itu, pihak KTMB bertanggungjawab untuk menjalankan aktiviti-aktiviti selenggaraan lif di semua stesen dan mematuhi segala

aspek keselamatan yang telah di tetapkan oleh Jabatan Keselamatan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) termasuk:-

- a. Melantik syarikat penyelenggaraan lif yang kompeten dan disahkan oleh pihak JKKP. KTMB telah melantik Syarikat MS Elevator Sdn. Bhd untuk melaksanakan kerja pemeriksaan dan selenggaraan lif di stesen-stesen di Negeri Perlis pada setiap bulan.
 - b. Syarikat MS Elevator juga bertanggungjawab untuk melaksanakan kerja-kerja baik pulih segera jika berlaku sebarang kerosakan pada lif serta memberi bantuan segera kepada para pengguna jika berlaku sebarang kes pengguna terperangkap di dalam lif.
 - c. Memastikan pihak JKKP membuat lawatan dan pemeriksaan untuk memperbaharui Permit Mesin Angkat (PMA) bagi Lif berkenaan sebagaimana yang diwajibkan oleh pihak JKKP.
3. Diharapkan dengan langkah yang diambil oleh Kerajaan dengan menambahbaik fasiliti di stesen-stesen kereta api akan menggalakkan orang ramai menggunakan pengangkutan awam terutamanya rel untuk ke destinasi masing-masing.

Sekian, terima kasih.